

**KRISIS KEBANJIRAN PELARIAN SYRIA DAN IMPAKNYA  
TERHADAP KESELAMATAN NEGARA TURKI**  
*(The Syrian Refugee Crisis and its Impact to Turkish National Security)*

HAMIDI ADAM & RAVICHANDRAN MOORTHY

**ABSTRAK**

Krisis banjir pelarian Syria merupakan satu tragedi kepada sejarah kemanusiaan moden. Turki sebagai salah satu negara yang menjadi tuan rumah kepada pelarian Syria juga tidak dapat mengelak daripada menerima kesan limpahan akibat banjir pelarian Syria. Oleh yang demikian, artikel ini mengemukakan persoalan apakah implikasi yang dimaksudkan dan merungkai sejauhmana ianya telah memberi impak terhadap keselamatan negara Turki. Objektif utama artikel adalah mengkaji kesan banjir pelarian Syria terhadap negara Turki; mengkaji dan menganalisa ancaman-ancaman yang wujud ekoran banjir pelarian Syria di Turki dan mengkaji dan mengenal pasti cabaran yang sedang dan bakal dihadapi Turki sekiranya krisis banjir pelarian Syria terus berlarutan. Artikel ini menggunakan konsep keselamatan negara sebagai landasan bagi melihat bagaimana kerajaan Turki menangani krisis banjir pelarian Syria dengan melaksanakan perubahan dan penambahbaikan dasar migrasi negara selaras dengan standard atau piawaian antarabangsa dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan negara agar sentiasa terpelihara. Artikel ini telah mendapati bahawa impak banjir pelarian Syria yang sentiasa meningkat saban hari jumlah kemasukannya sememangnya mengancam keselamatan negara Turki, di samping itu ianya juga memberi impak terhadap ekonomi, keharmonian sosial dan kestabilan politik negara Turki.

**Kata Kunci:** Konflik di Syria; Pelarian Syria; Negara Tuan Rumah, Keselamatan Negara; Turki

**ABSTRACT**

*The Syrian refugees crisis is a humanitarian tragedy of modern history. Turkey as a country to host Syrian refugees also not spared from the spillover effects from the influx of Syrian refugees. Therefore, this article raise the question of whether the implications and the extent to which these effects have an impact on the security of Turkey. The main objective of the article is to review the impact of the influx of Syrian refugees against the Turkish state; review and analyze the threats that exist due to the influx of Syrian refugees in Turkey and examines and identifies the challenges that are ahead of Turkey if the influx of Syrian refugees crisis continues. This article uses the concept of national security as a platform to see how the Turkish Government address the crisis in accordance with international standards by implementing changes and improvements on migration policy of the country while safeguarding the national interest. This article found that the impact of the influx of Syrian refugees who have always increased every day indeed threaten the national security of*

*Turkey, in addition they also have an impact on the economy, social harmony and political stability of Turkey.*

**Keywords:** *Syrian conflict; Syrian refugees, Host Country; National Security; Turkey*

---

## **PENGENALAN**

Di tengah-tengah peristiwa kebangkitan masyarakat Arab atau *Arab Spring*<sup>1</sup> yang melanda hampir keseluruhan negara Arab, dunia juga dapat melihat peristiwa kebangkitan penentangan rakyat Syria terhadap kerajaan mereka. Pemberontakan di Syria yang telah bermula sejak Mac 2011 telah berubah menjadi sesuatu yang ganas dan di luar jangkaan di antara Rejim Assad dengan pihak penentang rejim yang terdiri daripada beberapa kumpulan dan pertubuhan. Krisis politik yang tidak berkesudahan bermula pada tahun 2011 terus menekan kehidupan rakyat Syria menyebabkan semakin ramai rakyat negara tersebut terpaksa melarikan diri dan menjadi pelarian di negara-negara jiran. Negara Syria yang dulunya pernah menjadi negara kedua terbesar menjadi negara penerima kepada pelarian kini telah bertukar menjadi negara orang pelarian.

Menurut Pesuruhjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Pelarian, pada awal tahun 2013, lebih daripada 600,000 pelarian telah didaftarkan atau menunggu untuk mendaftar ke negara-negara jiran dan dianggarkan lebih 200,000 masih tidak berdaftar.<sup>2</sup> PBB menjangkakan bahawa angka ini boleh meningkat melebihi satu juta jika penghijrahan keluar terus berlaku. Di Syria, sebanyak dua juta mangsa telah kehilangan tempat tinggal dan dipaksa menjadi pelarian di dalam negara sendiri (*internally displaced person*)<sup>3</sup> disebabkan oleh keadaan huru hara dan merebaknya insiden keganasan, anggaran kasar oleh United Nations High Commissionner for Refugees (UNHCR) mendapati empat juta orang memerlukan bantuan kemanusiaan dengan segera.

Situasi ini menyebabkan ketidakstabilan kepada negara yang terpaksa menanggung beban kebanjiran pelarian Syria. Turki sebagai salah satu negara penerima telah menerima kedatangan pelarian Syria dengan menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan asas yang lain. Walau bagaimanapun, berdasarkan polisi semasa kerajaan Turki, pelarian ini hanya dianggap sebagai 'tetamu' dengan status perlindungan sementara. Artikel ini cuba memahami akan polisi migrasi semasa Turki dan bagaimana kerajaan Turki mengadaptasikan polisi migrasi semasa agar selaras dengan peraturan antarabangsa dan dalam masa yang sama memastikan sebarang perubahan yang dibuat tidak akan menimbulkan impak yang negatif terhadap negaranya.

## **PERSOALAN UTAMA**

Sejak tercetusnya krisis berdarah di Syria, ribuan rakyat Syria terpaksa melarikan diri bagi mencari perlindungan dan meneruskan kehidupan. Negara-negara jiran telah menjadi pilihan sebagai tempat perlindungan dan kebanjiran pelarian ini telah mendatangkan kesan kepada negara penerima. Ini kerana isu pelarian adalah sesuatu yang perlu ditangani secara berhati-hati dan sebarang tindakan yang diambil akan menjadi perhatian masyarakat antarabangsa. Sebagai sebuah negara penerima, Turki dilihat berupaya menangani kebanjiran pelarian Syria

dan mendapat pujian antarabangsa dari segi layanan yang disediakan (Tolay: 2014). Kerajaan Turki yang berinspirasi untuk menganggotai Kesatuan Eropah (EU) telah mengambil langkah-langkah yang perlu seperti penambahbaikan dasar dan polisi semasa terutamanya berkaitan dengan migrasi yang mana sebelum ini dikatakan sebagai antara penghalang kepada keanggotaan rasmi Turki ke dalam EU. Krisis pelarian Syria adalah salah satu contoh yang sesuai untuk dikaji kerana ianya secara langsung menyentuh mengenai polisi migrasi Turki. Peraturan migrasi semasa yang hanya membenarkan status ‘perlindungan sementara’ kepada migran Syria telah menimbulkan kebimbangan akan berlakunya aktiviti penyeludupan manusia ke negara Eropah dan dalam masa yang sama, kebanjiran pelarian yang tidak terkawal juga berupaya mengancam keselamatan negara Turki.

Oleh yang demikian, tumpuan perbincangan artikel ini adalah mengenai apakah impak kehadiran pelarian Syria ke atas dasar semasa Turki, situasi keselamatan dan kestabilan semasa Turki serta bagaimana kerajaan Turki memainkan peranannya dan mengambil langkah-langkah menghadapi cabaran sekiranya krisis pelarian Syria terus berlarutan dengan tiada titik penyelesaian muktamad<sup>4</sup> (Weiner: 1985).

## **PELARIAN SYRIA DAN ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN NEGARA TURKI**

Sebagaimana negara-negara yang lain Turki mempunyai interpretasi keselamatan nasional yang tersendiri hasil daripada pengalaman sejarahnya. Konsep ‘Keselamatan Negara’ bagi Turki mula dimasukkan ke dalam perlembagaan negara dan undang-undang selepas berlakunya rampasan kuasa tentera pada tahun 1960 (Seydi Çelik: 2010). Sehingga itu, konsep dominan dalam undang-undang Turki ialah ‘Pertahanan Negara’. Walaupun istilah ‘pertahanan’ kebanyakannya menandakan persepsi ancaman luar negeri, namun istilah ‘Keselamatan Negara’ adalah lebih luas dengan turut mencakupi pelbagai ancaman termasuklah ancaman dalaman.

Melalui Perlembagaan 1961, kerajaan Turki telah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan Majlis Keselamatan Negara (sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Tinggi Pertahanan Negara), yang diberi kuasa untuk menentukan ancaman kepada keselamatan negara. Majlis Keselamatan Negara adalah bertanggungjawab untuk menentukan persepsi ancaman negara dan persepsi ancaman ini menjadi subjek tafsiran yang luas merangkumi bidang sosial, budaya dan ekonomi.

Menurut Jureidini (2010), Turki sentiasa melihat pergerakan pelarian ke dalam sempadannya ialah suatu perkara yang boleh memberi kesan terhadap keselamatan negara. Kerajaan Turki beranggapan bahawa pencari suaka akan menimbulkan ‘security problem’ kerana Turki tiada mempunyai kapasiti yang memadai untuk menjalankan proses penentuan status dan mengintegrasikan pelarian ke dalam masyarakat Turki (Kiri ci: 2001).

### ***Kebanjiran Pelarian Syria***

Turki kini menjadi tuan rumah kepada 736,137 orang pelarian Syria yang perlu dilindungi (*persons of concern*), yang mana mengikut rekod UNHCR kesemuanya telah didaftarkan dengan ditempatkan di kem-kem pelarian pada 1 Mei 2014.<sup>5</sup> Selain mereka yang berdaftar di kem-kem, dianggarkan 29,000 sedang menunggu pendaftaran dan dianggarkan 100,000 lagi tinggal di luar kem (kawasan bandar) di seluruh negara (IOM: 2013).<sup>6</sup> Di samping itu,

menurut Karadeniz (2012), hampir 10,000 warga Syria masih terkandas di kawasan sempadan Turki akibat daripada polisi kerajaan Turki yang mengenakan sekatan keselamatan yang menghadkan jumlah kemasukan pelarian ke dalam sempadan Turki.

Selaras dengan sejarah kemasukan besar-besaran pelarian ke Turki, kes pelarian Syria tidak banyak berbeza dengan kes-kes sebelum ini. Warga pelarian Syria telah diberikan status perlindungan sementara dan ditempatkan di kem-kem perlindungan sementara, yang mana kerajaan Turki adalah bertanggungjawab untuk melindungi pelarian Syria daripada dihantar pulang secara paksa ke Syria (IOM: 2012) dan warga Syria yang tinggal di luar kem mempunyai hak untuk kekal di Turki selama tiga bulan tanpa perlu memohon kebenaran daripada pihak berkuasa Turki.

Walaupun dinyatakan sebelum ini bahawa Turki telah membuka pintunya kepada Syria sekitar bulan April 2011, namun sehingga bulan Oktober 2011, barulah Turki telah secara rasmi mengisytiharkan dasar 'perlindungan sementara' bagi menangani serta mengawal kemasukan besar-besaran pelarian Syria. Menurut tafsiran UNHCR, dasar tersebut bermaksud kemasukan pelarian tanpa halangan ke wilayah Turki, tiada paksaan untuk kembali ke wilayah asal dan penyediaan keperluan asas apabila pelarian berdaftar dengan pihak berkuasa. Pihak berkuasa Turki juga menetapkan bahawa semua warga Syria yang menyeberangi sempadan tanpa pasport perlu tinggal di mana-mana kem sementara yang disediakan oleh kerajaan. Manakala bagi warga Syria yang memasuki Turki dengan pasport diberikan kebebasan untuk tinggal di luar kem selama tempoh 3 bulan tanpa perlu memohon visa. Akan tetapi, mereka juga terpaksa melaporkan diri ke kem-kem sementara yang berdekatan setelah tempoh visa yang dibenarkan telah tamat.

Oleh kerana ketidakpastian dalam undang-undang bagi status pencari suaka bukan Eropah di Turki, pelarian Syria masih dirujuk sebagai 'tetamu' atau 'rakyat Syria' dan bukannya sebagai 'pelarian'.<sup>7</sup> Menurut Baird (2012), budi bicara politik kerajaan untuk tidak menggunakan terma 'pelarian' atau 'pencari suaka' telah mewujudkan ketidaktentuan apakah sebenarnya bentuk perlindungan sementara yang disediakan. Malah ramai berpandangan bahawa perlindungan sementara dilihat sebagai penyelesaian jangka pendek untuk menguruskan krisis yang begitu kritikal ini.

Apabila ditinjau kembali, kem perlindungan sementara di Turki dibina bukan bertujuan untuk tempoh jangka masa yang panjang, kerana kerajaan Turki percaya bahawa rejim Assad dapat digulingkan dengan cepat dan warga Syria akan dapat kembali ke halaman rumah masing-masing (IOM: 2012). Walau bagaimanapun, krisis yang dijangka hanya sementara telah memakan masa lebih daripada dua tahun, namun jalan penyelesaian masih belum dicapai lagi. Kini mulai timbul keraguan akan kewajaran kerajaan Turki mengenakan status perlindungan sementara kepada warga Syria kerana polisi tersebut lebih membawa kesan negatif kepada Turki dan juga pelarian (di dalam kem mahupun di luar kem).

Disebabkan krisis di Syria masih berlarutan, hanya tanggapan atau ramalan sahaja boleh ditawarkan bagi mengetahui apa yang akan berlaku setelah konflik tersebut berakhir. Menurut Abdullah Özbek, Timbalan Biro Integrated Border Management (IBM), beliau berpandangan bahawa ramai warga Syria akan meminta untuk tinggal di Turki selepas konflik, akan ada juga peratusan yang akan cuba untuk pergi ke Eropah dan kemudiannya ke Kanada atau Amerika Syarikat (Walkiewicz: 2013). Beliau menjelaskan bahawa konflik ini boleh dianggap sama dengan apa yang pernah berlaku ketika tercetusnya konflik Perang

Teluk. Selepas perang tersebut tamat, ramai rakyat Iraq memohon untuk tinggal di Turki, manakala yang lain memohon untuk mencari suaka di Kesatuan Eropah dan negara-negara lain. Beliau menyatakan EU perlu berterima kasih kepada dasar semasa Turki yang memudahkan kemasukan pelarian seterusnya membenarkan mereka untuk tinggal di Turki, ini kerana jika pihak berkuasa bertegas untuk memberikan tekanan kepada warga Syria, mereka mungkin akan melarikan diri ke EU.

### ***Kerjasama Kerajaan Turki***

Turki mempunyai hubungan yang rapat dengan Syria sejak berdekad lalu, dalam konteks migrasi hubungan yang sedia terjalin di antara Syria dan Turki telah direalisasikan dalam bentuk liberalisasi dasar visa di antara dua negara pada tahun 2009 (Tolay: 2012). Polisi ini telah menggalakkan pertumbuhan yang kukuh dalam bilangan pelancong warga Syria melawat Turki. Angka-angka ini telah meningkat daripada kira-kira 400,000 pada tahun 2008 kepada 900,000 pada tahun 2010 (Kiri ci et al: 2011). Kesan daripada liberalisasi ini sangat penting kerana berikutan krisis di Syria yang mula memuncak, warga Syria yang dilengkapi dengan passport dapat menyeberangi sempadan ke Turki tanpa menghadapi sebarang masalah.

Kerajaan Turki kemudiannya menerima pakai pendekatan yang sama terhadap pelarian yang tiba tanpa passport, menjadikannya sangat jelas bahawa sempadan akan dibuka kepada mana-mana orang Syria yang melarikan diri dari krisis negara mereka. Dalam usaha mengawal kemasukan pelarian ini, Kerajaan Turki pada bulan Mei 2011 telah melantik Disaster and Emergency Management Presidency (AFAD) sebagai agensi peneraju dalam menyelaras kerjasama antara agensi kerajaan yang berkaitan. AFAD mengambil tindakan awal dalam mengatur perlindungan bagi kumpulan pertama pelarian dan pada Oktober 2011 lapan kem telah didirikan. Berdasarkan kepada situasi semasa, terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk kerajaan Turki menyediakan polisi yang lebih menyeluruh bagi menghadapi krisis kebanjiran ini.

Terdapat beberapa aspek penting dalam dasar migrasi yang diperkenalkan oleh kerajaan Turki ini. Pertama, kerajaan Turki merubah amalan awal sebelum ini yang merujuk pelarian sebagai 'tetamu'. Kerajaan Turki pada bulan Oktober 2011 telah melanjutkan tempoh 'perlindungan sementara' yang mana ianya melibatkan status perundangan yang lebih jelas berkaitan pelarian. Ini jelas satu keputusan dasar yang lebih baik melebihi apa yang diperuntukkan dalam Peraturan Suaka 1994. Dengan kata lain, dasar ini menunjukkan bahawa kerajaan Turki komited terhadap prinsip *non-refoulment* yang dipersetujui sebelum ini dan ianya juga selaras dengan ketetapan dalam undang-undang antarabangsa.

Kedua, kerajaan Turki komited untuk mengekalkan dasar pintu terbuka (*open door policy*) kepada pelarian Syria walaupun terdapat keadaan di mana pintu rasmi sempadan terpaksa ditutup apabila keselamatan di sebelah sempadan Syria menjadi semakin teruk (Dincer et al: 2013). Apabila pintu sempadan ditutup pada masa-masa yang tertentu, pelarian akan memilih laluan lintasan sempadan tidak rasmi ke Turki. Ketiga, kerajaan menubuhkan jawatankuasa penyelaras yang diketuai oleh Be ir Atalay, Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini diwakili oleh wakil-wakil beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan perihal migrasi di Turki. Keempat, kerajaan melantik 'Gabenor penyelaras' bagi usaha meningkatkan penyelarasan di antara gabenor wilayah-wilayah Turki yang bersempadan dengan Syria.

Kerajaan Turki secara relatifnya telah berjaya menguruskan kehadiran pelarian Syria dengan baik dan menubuhkan kem sementara dengan tahap perlindungan dan penempatan yang berkualiti. Semua kem dilengkapi dengan pusat-pusat perubatan, sekolah, kemudahan rekreasi dan program latihan vokasional. Penyediaan perkhidmatan lengkap dan tempat penginapan yang selesa ini telah mendapat pujian daripada International Crisis Group (ICG) yang merujuk kem-kem pelarian sebagai 'kem-kem pelarian terbaik yang pernah dilihat' (ICG: 2013).

## **CABARAN KRISIS KEBANJIRAN PELARIAN SYRIA**

Krisis pelarian Syria akan memberi cabaran yang pelbagai kepada negara Turki. Pada awalnya, ramai yang beranggapan bahawa krisis di Syria adalah bersifat sementara dan kehadiran pelarian Syria adalah hanya untuk tempoh tertentu, di mana mereka dijangka akan kembali ke Syria setelah suasana kembali tenang dan selamat. Bagaimanapun, melihat kepada keadaan semasa di Syria, tempoh penempatan pelarian Syria di Turki akan mengambil masa yang lebih lama, dan ini akan memberi tekanan dan cabaran kepada kerajaan Turki. Dincer et al (2013) telah memetik ulasan salah seorang NGO Turki yang menyatakan:

*“Initially, all the refugees wanted to return to Syria. But with the growing chaos and the increasing involvement of radical groups, there is a feeling that this is not the Syria they want to go back to”*

Dincer et al (2013)

Beberapa ahli parlimen Turki juga berpendapat yang sama, di mana mereka menjangkakan bahawa konflik di Syria akan berpanjangan untuk tempoh yang lama (10 – 15 tahun) dan selama itulah pelarian Syria akan kekal berada di Turki. Pandangan dan pendapat yang diberikan adalah rasional kerana jika dilihat kepada kompleksiti konflik di Syria dan tiadanya jalan penyelesaian yang pasti, telah membuatkan ianya jelas bahawa Turki akan terus menerima pelarian Syria dan pelarian ini kemungkinan besar akan kekal di Turki untuk masa akan datang.

Berdasarkan kepada situasi semasa, artikel ini cuba merungkai akan cabaran-cabaran yang sedang dan bakal dihadapi oleh Turki sekiranya krisis banjir pelarian Syria terus berpanjangan dan terdapatnya keperluan untuk mengintegrasikan pelarian Syria ke dalam Turki. Berikut adalah cabaran-cabaran yang dimaksudkan.

### ***Cabaran mengintegrasikan pelarian Syria***

Salah satu pilihan mengintegrasikan pelarian Syria ialah melalui pemberian taraf warganegara. Bagaimanapun, isu memberi taraf kewarganegaraan kepada pelarian Syria telah menjadi isu hangat yang sering diperdebatkan oleh sebilangan besar warga Turki kerana mereka bimbang warga pelarian yang diberi taraf kewarganegaraan akan menuntut hak untuk mengundi (*right to vote*) dan seterusnya akan cenderung untuk berpihak kepada kerajaan sedia ada yang dilihat mempunyai polisi 'mesra' pelarian.<sup>8</sup> Selain itu, isu integrasi pelarian Syria juga membuatkan rakyat Turki risau akan beban yang terpaksa ditanggung akibat banjir pelarian ini. Rasa tidak puas hati juga terbit kerana harga barangan di wilayah

sekitar sempadan telah meningkat naik manakala kadar upah menjadi semakin rendah disebabkan berlakunya lambakan tenaga buruh di Turki.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Center for Economic and Foreign Policy Studies (EDAM), 86% responden mahukan kerajaan menghentikan polisi pintu terbuka terhadap pelarian Syria dan 30% responden bersetuju agar pelarian Syria dihantar pulang ke negara asal mereka.<sup>9</sup> Cabaran untuk mengintegrasikan pelarian ke dalam masyarakat umum Turki akan menimbulkan kesulitan kepada kerajaan kerana hasil tinjauan mendapati rakyat Turki agak keberatan untuk menerima dengan tangan terbuka kehadiran migran daripada luar yang dianggap akan menimbulkan masalah kepada mereka di kemudian hari.

### ***Cabaran menyediakan peluang pekerjaan***

Terdapat laporan di media Turki mengenai peningkatan bilangan pelarian Syria yang mencari pekerjaan dalam sektor tidak formal dan ianya berisiko tinggi untuk dieksploitasi. Kaji selidik oleh AFAD mendapati bahawa tiga perempat daripada responden (pelarian Syria yang tinggal di luar kem) memerlukan pekerjaan bagi menampung kehidupan mereka di Turki.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun, mereka menghadapi kesukaran untuk bekerja secara sah disebabkan oleh undang-undang buruh Turki yang ketat.<sup>11</sup>

### ***Cabaran pendidikan***

Cabaran yang seterusnya adalah berkaitan dengan kemudahan pendidikan untuk anak-anak pelarian. Berdasarkan statistik semasa UNHCR, lebih separuh daripada pelarian Syria dianggarkan adalah terdiri daripada kanak-kanak. Di samping itu, menurut anggaran United Nations Children Fund (UNICEF) bahawa 74% kanak-kanak yang tinggal di luar kem di Turki tidak mempunyai akses kepada persekolahan.<sup>12</sup> Menangani keperluan pendidikan kepada hampir setengah juta kanak-kanak pelarian di Turki bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya memerlukan usaha yang bersepadu oleh kerajaan Turki, masyarakat sivil dan negara-negara penderma utama bagi memenuhi cabaran ini dari segi memastikan kualiti pendidikan, kandungan mata pelajaran, pemilihan kurikulum, penggunaan bahasa pengantar dan kemampuan kewangan kerajaan Turki (penyediaan infrastruktur dan tenaga pengajar).

### ***Cabaran kesihatan dan tempat tinggal***

Dua cabaran utama yang telah berjaya dilaksanakan oleh kerajaan Turki sejak ketibaan pertama pelarian Syria adalah penyediaan kemudahan kesihatan dan perlindungan di dalam kem. Kemudahan seperti perkhidmatan kesihatan asas dan kempen vaksinasi untuk kanak-kanak disediakan di kem-kem dan ianya ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Turki. Di samping itu, kerajaan Turki juga telah menjalankan kerjasama dengan agensi antarabangsa, World Food Program (WFP) bagi menyediakan program makanan yang kini berfungsi dengan amat baik.

Kini kerajaan Turki menghadapi cabaran mencari sumber dan tanah yang sesuai untuk pembinaan kem tambahan. Dari segi perkhidmatan kesihatan pula, terdapat kelompangan dalam penyediaan perkhidmatan yang memuaskan kerana ketiadaan perkhidmatan perubatan khusus, kakitangan bekerja terlalu lama (*overworked*) dan halangan bahasa.<sup>13</sup> Keadaan pelarian Syria di luar kem adalah berbeza sama sekali, mereka menghadapi kesukaran mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan tempat tinggal.

Terdapat juga cabaran penyakit berjangkit seperti polio dan demam campak. Kerajaan Turki telah menjalankan kempen pemvaksinan di kem-kem dan juga di wilayah-wilayah sempadan sebaik sahaja World Health organization (WHO) mengumumkan bahawa kes-kes polio telah dicatatkan di kalangan kanak-kanak Syria. AFAD mencatatkan bahawa terdapat peratusan yang tinggi di kalangan kanak-kanak yang belum divaksinasi lagi bagi campak dan polio. Perkara ini adalah sesuatu yang serius kerana jika ianya tidak ditangani dengan segera, maka Turki akan terdedah kepada merebaknya penyakit ini.

### ***Cabaran isu sosial***

Kehadiran sejumlah besar pelarian Syria mewujudkan kesan sosial terutamanya di wilayah-wilayah sempadan. Kebanyakan lelaki tempatan telah mengambil wanita Syria sebagai isteri kedua ataupun ketiga, ini menyebabkan berlakunya ketegangan sosial dan terdapat laporan kadar perceraian dan juga peningkatan dalam kes-kes kemurungan di kalangan wanita tempatan di wilayah Hatay dan Kilis (Kiri ci: 2014). Perkara ini berlaku kerana sebahagian daripada penduduk tempatan mempunyai hubungan sosial dan kekeluargaan yang rapat dengan kawasan di utara Syria, di mana kebanyakan pelarian Syria berasal.

Bagaimanapun, perkahwinan lelaki tempatan dengan warga Syria telah membawa masalah kerana perkahwinan tersebut adalah tidak sah kerana undang-undang sivil Turki tidak membenarkan poligami. Ianya telah membawa kesan yang buruk kerana bayi yang dilahirkan tidak dapat didaftarkan kerana secara teknikalnya bayi tersebut dianggap telah dilahirkan di luar perkahwinan. Masalah pendaftaran juga dihadapi oleh bayi yang dilahirkan oleh pasangan Syria yang tinggal di luar kem. Isu sijil kelahiran adalah masalah yang penting dan harus diberikan perhatian kerana ia akan mendatangkan kesan negatif yang mendalam terhadap seseorang tersebut. Ia mungkin menyebabkan seseorang itu sukar mendapat dokumen yang lain, contohnya dokumen perjalanan, permit pekerjaan, pendaftaran untuk pendidikan formal, kad pengenalan dan sebagainya.

### ***Cabaran politik***

Menurut Cagaptay (2013), apabila konflik di Syria semakin berkembang dan kumpulan radikal Islam menjadi semakin aktif, minoriti Alawit di Hatay telah secara lebih terbuka menyokong tindakan rejim di Damsyik. Mereka juga membenci kehadiran pelarian Sunni Syria ke wilayah mereka dan menuduh bahawa ianya merupakan satu konspirasi di pihak kerajaan untuk mengubah keseimbangan demografi di wilayah mereka (Kiri ci: 2014). Ketegangan mula timbul apabila masyarakat Alawit melihat kerajaan Turki terlalu menekankan aspek identiti Sunni, lebih condong untuk menjatuhkan rejim Assad di Syria dan menuduh masyarakat Alawit di Turki bersekongkol dengan menyokong dan bersimpati dengan rejim Assad di Syria.

Perkembangan ini telah menimbulkan kebimbangan bahawa krisis di Syria dan cara bagaimana kerajaan Turki mengendalikannya boleh merumitkan lagi hubungan minoriti-majoriti di Turki terutamanya di wilayah di mana sebelum ini kumpulan etnik dan agama yang berbeza dapat tinggal secara harmoni. Selain Hatay, pemerhatian yang serupa (kehadiran pelarian mengancam keharmonian wilayah) juga boleh dilihat di wilayah Sanliurfa dan Mardin (Cagaptay: 2013).



Kemasukan beramai-ramai pelarian Syria dari golongan Arab sunni sentiasa berisiko mengganggu keseimbangan dan keharmonian masyarakat di Turki, dan ianya merupakan cabaran yang perlu ditangani secara halus dan bijak oleh kerajaan Turki bagi mengelakkan konflik dalaman Syria boleh menduplikasi dirinya di wilayah sempadan Turki.

## **ANALISIS IMPAK TERHADAP KESELAMATAN NEGARA TURKI**

Peningkatan mendadak jumlah pelarian Syria yang menyeberangi sempadan Turki telah memberi tekanan terhadap negara Turki. Sepanjang tempoh konflik di Syria, kebanjiran pelarian telah mendatangkan impak terhadap ekonomi, sosial, keselamatan dan hubungan antarabangsa negara penerima, di mana kesannya berbeza antara negara penerima. Apabila kerajaan Turki membuka pintu sempadannya kepada pelarian Syria, bantuan kemanusiaan telah segera dihulurkan dengan jangkaan bahawa krisis di Syria akan dapat diselesaikan dengan segera dan bahawa pelarian tidak lama lagi akan dapat kembali semula ke Syria. Sebaliknya krisis di Syria bukan sahaja berlangsung jauh lebih lama daripada yang dijangkakan, tetapi telah meningkat tahap kemusnahannya.

Sejak akhir-akhir ini, konflik di Syria menjadi semakin buruk dan menyebabkan jumlah pelarian semakin meningkat. Keadaan kemerosotan yang berterusan di Syria merupakan satu tekanan besar terhadap keupayaan Turki untuk menguruskan keadaan pelarian di dalam sempadannya dan juga kapasitinya untuk memastikan aliran berterusan bantuan kemanusiaan ke Syria. Majoriti rakyat Turki yang menerima kesan langsung akibat kehadiran pelarian, kini mula mempersoalkan dasar kerajaan.<sup>14</sup> Beban kewangan ditambah dengan tekanan politik serta keselamatan menyebabkan kesukaran di pihak kerajaan Turki untuk mengekalkan dasar pintu terbukanya.

### ***Impak Sosial***

Konsep keselamatan masyarakat adalah berkaitan dengan isu identiti kolektif. Sepertimana yang dijelaskan oleh Ole Waever (1993), keselamatan masyarakat ialah “*concerns the ability of a society to persist in its essential character under changing conditions and possible or actual threats*”. Penjelasan ini berkait rapat dengan fenomena migrasi antarabangsa, di mana ia merujuk kepada bagaimana masyarakat tempatan identiti budaya, bahasa, agama, atau negara mereka diancam oleh pendatang. Dari perspektif ini, nilai-nilai kebangsaan (*national values*) negara penerima adalah objek rujukan yang berada di bawah ancaman (Weiner: 1992-1993). Secara umumnya, sama ada kehadiran migran secara sukarela atau tidak, secara sah atau tidak sah, ianya tetap dianggap sebagai ancaman kerana pendatang akan memberi cabaran kepada identiti negara penerima melalui bahasa, budaya, dan agama yang berbeza.

Berdasarkan pemahaman ini, kebanjiran pelarian Syria juga boleh dikatakan sebagai ancaman kepada keharmonian di dalam masyarakat tempatan negara penerima. Kehadiran pelarian Syria di lima wilayah Turki iaitu Hatay, Gaziantep, Kilis, Sanliurfa dan Mardin telah merubah keseimbangan etnik sedia ada di wilayah-wilayah tersebut. Sebagai contoh, wilayah Kilis yang sebelum ini hanya mempunyai 1% populasi etnik Arab kini telah berubah menjadi 42%. Di wilayah Hatay pula, dominasi populasi dikuasai oleh etnik Alawites dengan jumlah penduduk sebanyak 1/3 daripada keseluruhan populasi.<sup>15</sup> Bagaimanapun, sejak ketibaan pelarian Syria, keseimbangan etnik telah berubah dan ini telah menimbulkan ketegangan di antara etnik Alawites dengan etnik Arab Sunni (Cagaptay: 2013).

Terdapat beberapa protes dan demonstrasi oleh golongan etnik Alawites yang anti kerajaan dan telah menyebabkan kematian remaja Alawites pada 9 September 2013.<sup>16</sup> Mereka membantah polisi kerajaan yang menerima kehadiran pelarian Syria, di mana mereka menganggap banjir pelarian telah mengancam kehidupan mereka. Dasar semasa kerajaan Turki mengenai krisis di Syria telah menimbulkan kemarahan etnik Alawites yang merasakan bahawa kerajaan mempunyai agenda tersembunyi terhadap mereka (Cagaptay: 2013).

### ***Impak Ekonomi***

Terdapat perdebatan mengenai adakah imigrasi menimbulkan ancaman kepada kepentingan negara contohnya ke atas ekonomi negara penerima. Sememangnya imigrasi telah, dan akan terus mempunyai kesan ekonomi yang penting di kedua-dua negara penerima dan negara asal. Walaupun imigrasi mempunyai kelebihan dan kekurangan ke atas ekonomi, perkembangan definisi keselamatan untuk merangkumi sektor ekonomi telah membawa perhatian peningkatan kepada cabaran ekonomi yang disebabkan oleh imigrasi, dan hasilnya imigrasi telah dilabelkan sebagai satu isu keselamatan. Dalam hal ini, economic migrants, pelarian dan pencari suaka dianggap mengancam keselamatan ekonomi sesebuah negara.

Persepsi bahawa migrasi mengancam keselamatan ekonomi sesebuah negara boleh diterjemahkan dengan apa yang berlaku terhadap Turki pada masa sekarang. Sebelum meletusnya krisis Syria, hubungan perdagangan antara Turki dan Syria telah berkembang dengan baik. Sejak sahaja krisis bermula, hubungan perdagangan antara kedua negara tersebut telah merosot, ditambah lagi dengan sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Turki telah menyebabkan wilayah-wilayah di selatan Turki menerima kesan negatifnya. Sektor ekonomi di wilayah Gaziantep dan Kilis merupakan dua wilayah yang paling terjejas akibat sekatan ekonomi yang dikenakan oleh kerajaan Turki.

Kebanjiran pelarian Syria telah memberi tekanan kepada perbelanjaan kerajaan di mana telah dilaporkan bahawa sejumlah USD 2 bilion telah digunakan bagi memenuhi keperluan dan menyediakan kemudahan pelarian yang membanjiri Turki. Beban kewangan yang pada masa ini terpaksa dibiayai oleh kerajaan Turki telah menimbulkan kekhawatiran rakyatnya akan sampai bila kos pelarian akan ditanggung oleh kerajaan. Komitmen kerajaan Turki dalam menyediakan kemudahan terbaik kepada pelarian akan memberi kesan kepada kemampuan ekonomi kerajaan untuk jangka masa panjang (Dincer et al: 2013).

Impak ekonomi bukan sahaja menjejaskan perbelanjaan kerajaan, ianya juga turut memberi impak terhadap rakyat Turki. Kebanjiran pelarian telah menyebabkan kos sara hidup meningkat naik, kadar sewa rumah, air, elektrik, harga makanan dan keperluan harian lain telah bertambah secara mendadak.<sup>17</sup> Menurut kajian oleh Syria Research and Evaluation Organization (SREO), banjir pelarian telah memberi impak terhadap pasaran perumahan di Turki di mana permintaan terhadap perumahan dan kadar sewa rumah telah meningkat sebanyak tiga kali ganda (Alpaslan: 2012). Permintaan yang tinggi terhadap keperluan perumahan telah menyebabkan berlakunya inflasi dalam kadar sewa rumah yang membebankan kepada penduduk tempatan dan juga pelarian. Situasi seperti ini adalah realiti di mana-mana tempat yang mempunyai penempatan pelarian kerana wujudnya persaingan untuk mendapatkan sumber antara penduduk tempatan dengan pelarian (SREO: 2013).

### ***Impak Keselamatan***

Sejak awal dekad 1950-an lagi, kerajaan Turki telah menyedari keadaan yang tidak stabil di negara-negara Timur Tengah boleh memberi ancaman terhadap kestabilan dalaman negara Turki. Kekacauan politik di Timur Tengah selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, terutamanya perang antara Israel dan jiran-jirannya termasuk Syria pada tahun 1967 yang menyebabkan lebih setengah juta rakyat Palestin kehilangan tempat tinggal, telah membuat Turki bimbang ia akan terpaksa memikul beban '*population displacement*' (Kiri ci: 2001).

Melalui pengalaman yang lepas, Turki menyedari hakikat bahawa kebanjiran pelarian Syria akan membawa implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap keselamatan negara.<sup>18</sup> Antara ancaman keselamatan terbesar ialah wujudnya aktiviti pengganas dan radikal. Satu pungutan suara oleh EDAM yang dijalankan pada September 2012 menunjukkan bahawa responden menyatakan perang saudara Syria adalah sebab utama berlakunya peningkatan aktiviti pengganas di Turki. Kumpulan-kumpulan radikal seperti al-Qaeda dan Kurdishtan Workers' Party (PKK) dianggap kini sedang bergerak aktif dengan mengambil kesempatan di atas pergolakan di Syria.

Bermulanya krisis Syria, operasi pengganas Jabhat al-Nusra (JN) dan al-Qaeda di Turki telah dipergiat dan juga beralih daripada memberi tumpuan kepada bandar-bandar seperti Aksaray dan Istanbul ke wilayah-wilayah di sempadan Turki (Cagaptay: 2013). Sejak tahun 2011, sebanyak enam operasi oleh pasukan keselamatan Turki telah dijalankan terhadap al-Qaeda di wilayah sempadan utama seperti Gaziantep dan Hatay, dan juga berhampiran Adana dan Mersin, yang mengakibatkan beberapa siri penangkapan dan penahanan telah dijalankan.

Di samping itu, susulan penangkapan beberapa anggota JN di wilayah Reyhanli, pihak berkuasa telah berjaya menemui peralatan-peralatan dan plot serangan yang ditujukan terhadap bandar-bandar di Turki. Menurut laporan berita Gazeteciler Online, kejadian serangan di Reyhanli pada 11 Mei 2013 telah dikaitkan oleh kerajaan Turki dengan kumpulan pengganas pro rejim Assad. Beberapa siri penangkapan dan kejadian serangan di Turki telah membuktikan bahawa Turki kini sedang menghadapi masalah dengan kumpulan pengganas al-Qaeda dan JN yang mana aktiviti kumpulan tersebut lebih tertumpu di sekitar sempadan terutamanya di wilayah selatan, iaitu Gaziantep. Wilayah ini telah menjadi hab kecil aktiviti al-Qaeda di Turki sebelum meledaknya krisis Syria lagi.

Sejak teretusnya krisis di Syria, kumpulan jihad radikal telah mula menimbulkan ancaman ke atas Turki dengan terdapat dakwaan bahawa Turki telah dijadikan tempat latihan dan pusat penyeludupan anggota jihad yang datang dari luar ke utara Syria untuk melawan rejim Assad.<sup>19</sup> Melihat kepada keadaan semasa, sesetengah pemerhati melihat bahawa pihak berkuasa Turki dianggap kurang bersungguh dalam menghalang kegiatan kumpulan daripada terus berkembang subur di bumi Turki. Mereka berpendapat, secara lazimnya Ankara tidak menyokong perjuangan kumpulan jihad tersebut tetapi mempunyai perkiraan yang rejim Assad akan tumbang akhirnya dan kuasa baru akan mengambil alih tampuk pemerintahan Syria. Oleh itu, Ankara melihat kumpulan jihad tersebut adalah sebagai alat yang boleh membantu mempercepatkan kekalahan rejim Assad.

Turki juga tidak dapat lari daripada menerima ancaman daripada kumpulan yang telah diklasifikasikan sebagai pengganas iaitu Kurdishtan Workers' Party (PKK). PKK adalah sebuah pertubuhan politik etnik Kurdish yang berjuang menuntut hak autonomi daripada

kerajaan Turki, etnik ini mendakwa mereka telah ditindas sejak berdekad lamanya dan terpaksa menuntut hak mereka menggunakan kekerasan (Hussein: 2007).

Aktiviti oleh kumpulan serpihan PKK, iaitu Democratic Union Party (PYD) dan kumpulan People's Defense Unit (YPG) yang kini giat menimbulkan huru-hara di sempadan Syria telah mengancam secara langsung kedaulatan sempadan Turki. PYD telah dilaporkan menguasai sebahagian daripada wilayah Utara Syria yang berhampiran dengan sempadan Turki dan mengisytiharkannya sebagai wilayah autonomi etnik Kurdish Syria. Keadaan yang tidak stabil di wilayah tersebut telah menyebabkan aktiviti kumpulan radikal dan pengganas meningkat naik. Keadaan ini menimbulkan keresahan di kalangan penduduk tempatan di sebelah sempadan Turki kerana kumpulan PYD atau JN dengan mudah melintasi sempadan Turki dengan menyamar sebagai pelarian Syria. Cagaptay (2013) menyatakan bahawa wilayah selatan Turki telah dijadikan sebagai hub untuk merekrut anggota baru dan sempadan Turki pula digunakan untuk mobilisasi senjata ke Syria.

Pertembungan antara PYD dan JN telah mengancam keselamatan rakyat Turki, di mana sebuah akhbar tempatan melaporkan kematian telah direkodkan akibat terkena peluru sesat dan peluru serta bom kereta di kawasan sempadan. Kem-kem pelarian yang terletak sama ada secara langsung di sempadan atau sangat dekat dengan sempadan, telah mendedahkan orang awam kepada pergaduhan yang kerap antara kumpulan-kumpulan yang menentang bersaing untuk kawalan wilayah di sepanjang sempadan.


Selain daripada ancaman daripada kumpulan pengganas seperti yang dinyatakan di atas, satu lagi aspek penting dalam krisis Syria yang secara langsung memberi kesan kepada Turki adalah potensi pembentukan sebuah rantau autonomi etnik Kurdish di Syria, bersebelahan dengan wilayah autonomi etnik Kurdish yang sedia ada di Iraq. Potensi kepada kewujudan wilayah autonomi Kurdish sangat membimbangkan Turki kerana ia akan menjadi pemangkin kepada etnik Kurdish di Turki untuk bangkit dengan lebih agresif menuntut diberikan wilayah autonomi yang sama sebagaimana saudara mereka di Syria dan Iraq.

Turki menganggap ini sebagai ancaman kepada keutuhan wilayahnya, memandangkan hampir separuh etnik Kurdish adalah rakyat Turki. Oleh yang demikian, Turki sangat mengambil berat dengan perkembangan di Syria, jika Syria berpecah belah mengikut bangsa atau etnik ianya akan mengancam perpaduan kaum di Turki. Di samping itu juga, apabila pemberian autonomi kepada sesuatu etnik ianya akan menyebabkan berlakunya penukaran sistem sesebuah negara. Jika autonomi diisytiharkan dalam sesebuah negara, sistem perlembagaan akan turut dipinda yang mana akan menimbulkan kemarahan masyarakat majoriti negara tersebut. Penderitaan dan kesusahan yang ditimbulkan akibat perjuangan PKK telah menyebabkan PKK menjadi duri dalam daging kepada majoriti rakyat Turki.

Turki mempunyai sejarah pahit dengan pergerakan pemisah etnik Kurdish (PKK) di mana sepanjang tempoh konflik, hampir 40,000 nyawa telah terkorban sejak 30 tahun yang lalu. Pada masa sekarang, dialog yang berterusan antara pihak kerajaan Turki dengan PKK telah memberi nafas baru kepada usaha menamatkan keganasan bersenjata. Pihak kerajaan bimbang sekiranya krisis Syria gagal dikekang, PKK boleh mengeksploitasi keadaan huru-hara di Syria untuk mengembangkan asas perjuangan dan pengaruhnya. Penguasaan PYD di sebelah wilayah Utara Syria telah memberi ruang yang lebih besar kepada organisasi dan operasi, yang mana secara tidak langsungnya PKK menguatkan lagi kedudukan PKK di Turki.

Peningkatan ancaman etnik Kurdish samada di Syria oleh PYD atau di Turki oleh PKK amat membimbangkan rakyat Turki akan prospek keselamatan mereka di masa hadapan. Satu tinjauan pendapat umum yang dijalankan oleh EDAM pada bulan Oktober 2013 menunjukkan bahawa ancaman terbesar yang paling ditakuti oleh rakyat Turki ialah pembentukan negara Kurdish (rujuk Jadual 1 di bawah)

**Jadual 1:** Maklumbalas umum mengenai ancaman keselamatan terbesar terhadap Turki



\* Sumber: EDAM

Ancaman kepada keselamatan adalah antara sebab-sebab mengapa majoriti rakyat Turki tidak bersetuju dengan usaha pihak kerajaan mencampuri pergolakan dalaman di Syria. Mereka berpandangan bahawa campur tangan secara langsung boleh menyebabkan Turki menerima bahana yang lebih besar seperti akan menyebabkan lebih ramai pelarian, keselamatan sempadan menjadi semakin teruk, kemungkinan berlakunya serangan pengganas, ekonomi merosot dan hubungan dengan Rusia dan Iran akan terjejas teruk.

## **KESIMPULAN**

Krisis Syria yang mulanya dijangka hanya bersifat sementara kini telah menjangkau empat tahun tanpa sebarang tanda penyelesaian yang jelas. Pergolakan tanpa titik noktah di Syria telah membawa kemusnahan yang amat dahsyat, krisis kemanusiaan sejagat yang mengakibatkan lebih 2.6 juta rakyat Syria terpaksa menjadi pelarian di bumi sendiri dan juga di negara-negara lain (UNHCR: 2014). Negara Turki yang terletak bersempadan dengan negara Syria turut merasai kesan langsung konflik berdarah di Syria. Sebagai salah sebuah negara penerima yang menerima jumlah kemasukan pelarian yang sangat tinggi jumlahnya (jumlah tidak rasmi melaporkan hampir 1 juta orang pelarian kini berada di dalam sempadan Turki), negara Turki sangat terbeban disebabkan oleh peningkatan mendadak kemasukan pelarian ke dalam wilayahnya. Hasil atau penemuan kajian-kajian lepas berkaitan kesan limpahan pelarian terhadap negara penerima, turut berlaku di negara Turki. Impak terhadap

sosial, ekonomi, politik dan keselamatan telah mula dirasai oleh Turki. Dasar pintu terbuka yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah baik atas dasar kemanusiaan, tetapi dasar tersebut mulai dipersoalkan oleh majoriti rakyat Turki yang mulai terkesan akibat kebanjiran pelarian ke dalam negara mereka.

Beberapa kejadian seperti pertempuran di sempadan Syria – Turki, kejadian letupan bom di sempadan Turki, penemuan plot serangan ke atas Turki dan dakwaan Turki kini dijadikan hub pengganas telah membuktikan bahawa krisis di Syria dan limpahan pelarian terbukti memberi ancaman terhadap keselamatan negara Turki. Apabila dibincangkan mengenai impak pelarian Syria ke atas Turki, persoalan artikel yang cuba melihat apakah kesan pelarian terhadap Turki dan adakah atau bagaimanakah ianya boleh mengancam keselamatan negara Turki telah terjawab sepenuhnya. Dalam hal ini, persoalan keselamatan bukan sahaja tertumpu kepada keselamatan negara sebagai objek rujukan, malahan objek bukan negara seperti manusia, identiti kebudayaan dan diri individu sendiri dianggap turut berada dalam bahaya.

Artikel ini telah merungkai persoalan mengenai impak kebanjiran pelarian Syria terhadap Turki. Kesan limpahan bukan sahaja dirasai oleh negara penerima malah ia ternyata turut memberi kesan di peringkat serantau dan antarabangsa. Bagi Turki, kesan keselamatan langsung krisis Syria yang paling dibimbangi ialah kemungkinan wujudnya autonomi Kurdish di kawasan utara dan timur laut Syria. PKK yang selama ini menjadi duri dalam daging kepada Turki akan menjadi ancaman yang lebih serius kepada keselamatan negara Turki. Di samping itu, jika dibiarkan krisis Syria terus berlarutan, kumpulan militan lain seperti al-Qaeda dan JN akan turut berpotensi untuk mengancam keselamatan negara Turki.

## **Nota Akhir**

<sup>1</sup> “*The Arab Spring refers to the wave of political demonstrations, protests and transitions that have swept the Middle East and North Africa since December 2010. The protests have largely taken the form of civil resistance in sustained campaigns involving strikes, demonstrations, marches and rallies, as well as the use of social media to organize, communicate and raise awareness. The political uprisings were accompanied by significant population movements within and out of the region*” (UNHCR 2011: 3)

<sup>2</sup> Lihat <http://www.unhcr.org/pages/49e48e0fa7f.html>. Laporan UNHCR menyatakan bahawa kira-kira 500 orang pelarian akan tiba melintasi sempadan antara Syria-Turki, kadangkala jumlah tersebut boleh meningkat menjadi 1,000 – 2,000 orang setiap hari. Kemasukan beramai-ramai disebabkan oleh tercetusnya pertempuran berhampiran sempadan utara Syria, iaitu di sekitar Bandar Aleppo.

<sup>3</sup> Menurut laman sesawang UNHCR, *Internally Displaced Persons* atau IDPs, adalah merujuk kepada orang-orang yang melarikan diri atas sebab-sebab yang sama seperti pelarian (konflik bersenjata, keganasan umum, pelanggaran hak asasi manusia). Tidak seperti pelarian, IDPs tidak melintasi suatu sempadan antarabangsa untuk mendapatkan tempat perlindungan tetapi kekal di dalam negara asal mereka. Dari segi perlindungan, mereka kekal berada di bawah perlindungan kerajaan mereka sendiri - walaupun kerajaan tersebut mungkin menjadi punca kepada keadaan mereka sekarang. Rujuk

<http://www.unhcr.org/pages/49c3646c146.html>

<sup>4</sup> Weiner M (1985) menyatakan bahawa migrasi antarabangsa adalah sangat unik kerana ianya boleh mengubah komposisi populasi sesebuah negara dan semestinya berpotensi untuk mengubah polisi domestik sesebuah negara

<sup>5</sup> UNHCR (2014). Rujuk Syria Regional Refugees Response Information Sharing Portal.

<http://data.unhcr.org/syrianrefugees/regional.php>

<sup>6</sup> Angka rasmi terkini bagi penempatan pelarian Syria di luar kem masih belum dikeluarkan lagi oleh pihak IOM

<sup>7</sup> Sejak Turki mengekalkan klausa ‘had geografi’ di dalam Konvesyen Geneva 1951, mana-mana pelarian bukan dari negara Eropah dibenarkan untuk tinggal di Turki secara sementara. Mereka perlu memohon kepada UNHCR bagi mendapat pengiktirafan status sebagai pelarian mereka dan dengan bantuan UNHCR

mereka boleh ditempatkan semula di negara ketiga. Mengikut rekod, UNHCR mampu menempatkan kira-kira 5,000 pelarian “bukan Eropah” dari Turki ke Amerika Syarikat, Kanada dan Australia. Tunjang undang-undang perlindungan domestik Turki adalah Peraturan Suaka 1994. Perlindungan domestik yang ditawarkan melalui Peraturan ini kepada pelarian ‘bukan Eropah’ adalah dipanggil ‘suaka sementara’ dan ianya berlainan dengan status “perlindungan sementara” yang digunakan oleh kerajaan Turki bagi menangani kemasukan beramai-ramai rakyat Syria. Penempatan pelarian dan pencari suaka ‘bukan Eropah’ adalah tersebar ke lebih 50 lokasi di seluruh Turki, yang dirujuk sebagai ‘bandar-bandar satelit’, di mana mereka dikehendaki untuk tinggal sehingga selesai prosiding ‘suaka sementara’ mereka di Turki. Rujuk Helsinki Citizens Assembly Refugee Advocacy and Support Program Report yang dikeluarkan pada November 2012. Hlm 2

<sup>8</sup> Berdasarkan rekod, dari tahun 2003 hingga 2012 sejumlah 5,000 orang Syria telah mendapat taraf warganegara Turki yang diperoleh melalui perkahwinan. Lihat Kiri ci, K. 2014. *Syrian Refugees and Turkey’s Challenges: Beyond the Limits of Hospitality*. Brookings. Washington DC. hlm. 20

<sup>9</sup> Laporan kajian oleh EDAM yang bertajuk “Turkish Public Opinion Towards Refugees” telah diterbitkan pada bulan Januari 2014. Rujuk <http://edam.org.tr/Media/IcerikFiles/12/EdamAnket2014.1.pdf>

<sup>10</sup> Lihat laporan kajian lapangan tahun 2013 oleh AFAD, *Syrian Refugees in Turkey*, hlm. 10. Rujuk [https://www.afad.gov.tr/Dokuman/TR/61-2013123015505-syrian-refugees-in-turkey-2013\\_print\\_12.11.2013\\_eng.pdf](https://www.afad.gov.tr/Dokuman/TR/61-2013123015505-syrian-refugees-in-turkey-2013_print_12.11.2013_eng.pdf)

<sup>11</sup> Antara peraturan yang menyukarkan pelarian adalah syarat untuk permit kerja. Mereka perlu mempunyai pasport yang sah, permit kediaman dan setiap majikan yang berhasrat untuk mengupah mereka perlu membuktikan bahawa warga Turki tidak dapat ditemui untuk mengisi jawatan tersebut

<sup>12</sup> Lihat UNICEF: *Syria Crisis Monthly humanitarian situation report*, bertarikh 18 Mac - 17 April 2014, hlm. 19. Sebenarnya tiada angka yang sahih bagi jumlah sebenar kanak-kanak pelarian yang tercicir dalam persekolahan. Umum mengetahui bahawa kanak-kanak yang tinggal di dalam kem mempunyai akses kepada persekolahan dan berdasarkan laporan oleh AFAD, 83% kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 11 tahun menghadiri kelas yang diwujudkan di dalam kem. Rujuk [https://syria.humanitarianresponse.info/system/files/documents/files/unicef\\_syria\\_monthly\\_humanitarian\\_situation\\_report\\_140417.pdf](https://syria.humanitarianresponse.info/system/files/documents/files/unicef_syria_monthly_humanitarian_situation_report_140417.pdf)

<sup>13</sup> Lihat *Report on Syrian Refugees and Health Services*, Kesatuan Doktor Turki, hlm. 82

<sup>14</sup> Lihat *Public opinion Surveys of Turkish Foreign Policy 2014/1* yang dijalankan oleh EDAM (Center for Economics and Foreign Policy Studies pada November 2013. Tajuk kajian ialah berkaitan dengan Krisis Pelarian Syria dan apakah polisi-polisi yang perlu diambil oleh kerajaan. Antara penemuan kajian ialah, 31% inginkan agar pihak kerajaan menetapkan limitasi/had maksimum pelarian yang dibenarkan menyeberangi sempadan Turki, seterusnya menutup pintu sempadan sekiranya had tersebut telah dipenuhi; 29.7% menyatakan kerajaan perlu menghentikan pengambilan pelarian dan menghantar pulang kesemua pelarian ke negara asal mereka; 25.5% bersetuju untuk pihak kerajaan menghentikan kemasukan pelarian; 11% inginkan kerajaan teruskan dasar pintu terbuka; dan 2.8% menjawab tidak tahu. Rujuk <http://www.edam.org.tr/Media/Files/1152/EdamSurvey2014.1.pdf>

<sup>15</sup> Etnik Alawites di Turki mempunyai hubungan dengan etnik Alawites di Syria (dari segi hubungan persaudaraan dan mazhab agama). Alawites atau Alawiyah atau Nusayri bermaksud Pengikut Ali yang berpegang kepada ajaran Syiah yang sedikit berbeza dengan mazhab Syiah di Iran (Yazici: 2012). Syiah Alawites mempunyai struktur social yang unik (4 puak besar dengan 3 kelas sosial: ketua agama, tuan tanah dan pengikut biasa) (Ibid.) Keluarga rejim Assad dan keluarga elit lain di Syria merupakan pengikut kepada mazhab Syiah Alawites

<sup>16</sup> Lihat penulisan Desmond Butler, ‘Correction: Turkey-Protests Story: ‘Turkish Protests Take on a More Sectarian Air,’ ABC News, bertarikh 15 September 2012. Rujuk

<http://abcnews.go.com/International/wireStory/correction-turkey-protests-story-20260409>. Peristiwa kebangkitan sekumpulan rakyat Turki yang membantah kerajaan yang juga dirujuk sebagai gelombang tunjuk perasaan dan rusuhan awam di Turki. Protes awam ini bermula pada 28 Mei 2013, yang pada asalnya hanya disebabkan oleh bantahan terhadap pelan pembangunan bandar bagi Taksim Gezi Park, Istanbul. Bantahan telah tercetus akibat kemarahan orang awam ke atas cara penyuraian ganas oleh pihak berkuasa terhadap orang yang memprotes. Selepas itu, bantahan orang awam telah merebak menjadi mogok yang berlaku di seluruh Turki di samping isu-isu lain turut disuarakan seperti kebebasan akhbar, kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun, dan pencerobohan kerajaan terhadap asas sekularisme Turki

<sup>17</sup> Rujuk laporan *Turkish Statistical Institute* dalam Cagaptay, 2013, hlm. 26

<sup>18</sup> Menurut Koser (2011), melabelkan sesuatu isu itu sebagai ancaman keselamatan akan memberi implikasi yang sangat signifikan dalam aspek perundangan, norma, polisi dan prosedur bagi membolehkan keputusan pelabelan tersebut dijustifikasikan. Dalam konteks migrasi, usaha kerajaan melabelkannya sebagai

---

ancaman bagi menjustifikasikan kenapa perlunya pemantauan diperhebatkan, kenapa penahanan perlu dilakukan, kenapa deportasi dilaksanakan dan kenapa polisi yang lebih ketat diperkenalkan

<sup>19</sup> Lihat artikel “Turkey strengthens force on Syrian border” dalam *The New York Times* bertarikh 30 Julai 2012. Artikel tersebut menyatakan bahawa pejuang asing yang mempunyai matlamat untuk berjihad kebanyakannya datang daripada negara Libya, Algeria, Iraq dan Afghanistan, mereka dilaporkan memasuki Syria melalui sempadan Turki. Rujuk <http://www.nytimes.com/2012/07/31/world/middleeast/turkey-strengthens-forces-on-syrian-border.html>

## **RUJUKAN**

Alpaslan, I.B. (2012). How Syria Crises Effect Turkey’s Economy. *TEPAV*. Economic Policy Research Foundation of Turkey. Istanbul

Baird, T. (2012). Syrian refugee camps and conflict in Turkey. *openDemocracy.net*. [<http://www.opendemocracy.net/theodore-baird/syrian-refugee-camps-and-conflict-in-turkey>]

Cagaptay, S. (2013). *Impact of Syria’s Refugees on Southern Turkey*. Washington Institute for Near East Policy. Washington DC

Castles, S. & Miller, J. (2009). *The Age of Migration: International Population Movement of the Modern World*. 4th Edition. Palgrave MacMillan. Hampshire. United Kingdom

*Centre for Economic and Foreign Policy Studies (EDAM)*. (2014). Syrian Refugees: Policy Options. Public Opinion Surveys Of Turkish Foreign Policy 2014/1. [<http://www.edam.org.tr/Media/Files/1152/EdamSurvey2014.1.pdf>]

Dincer, O. Federici, V. Ferris, E. Karaca, S. Kiri ci, K. & Çarmikh, E. (2013). *Turkey and Syrian Refugees: The Limits of Hospitality*. International Strategic Research Organization (USAK). Brookings. Ankara

çdugyu, A. & Aksel, D. (2013). Turkish Migration Policies: A Critical Historical Perspective. *Perceptions, Journal of International Affairs*. Autumn 2013. Vol. XVIII. No. 3. Center for Strategic Affairs. Republic of Turkey. Ministry of Foreign Affairs. Istanbul

çdugyu, A. & Keyman, E.F. (2005). *Citizenship in a Global World: European Questions and Turkish Experiences*. Routledge. London

Hussein, T. (2007). *The Structure of Kurdish Society and the Struggle for a Kurdish State*. Mazda Publications. Costa Mesa. California

İçdugyu, A. (2004). Demografic Mobility over Turkey: Migration Experiences and Government Responses. *Mediterranean Quarterly*. Vol. 15. No. 4. Duke University Press. North Carolina



- 
- International Crisis Group (ICG)*. The Rising Costs of Turkey's Syrian Quagmire. Report N°230. Brussel. 30 April 2014
- International Organization for Migration (IOM)*. (2008). Migration in Turkey: A Country Profile. International Organization for Migration
- Jureidini, R. (2010). Trafficking and Contract Migrant Workers in the Middle East. *International Migration*. Special Issue: Special Issue on Human Trafficking. Volume 48. Issue 4. International Organization of Migration (IOM)
- Karadeniz, T. (2012). *Up to 10,000 Syrian refugees stranded on Turkey border: activists*. Reuters. Istanbul. 3 September 2012. [<http://www.reuters.com/article/2012/09/03/us-syria-crisis-refugees-idUSBRE88207O20120903>]
- Korfali, D.K. Üstübcü, A. & De Clerk, H. (2014). *Turkey: Country and Research Areas Report*. Migration Research Center. Istanbul
- Kiriçi, K. (2003). *Turkey: A Transformation from Emigration to Immigration*. Migration Policy Institute (MPI) [[www.migrationinformation.org](http://www.migrationinformation.org)]
- Kiriçi, K. (2011). Linden, R.H. Evin, A.O. Straubhaar, T. Tocci, N. Tolay, J. Walker, J.W. *Turkey and Its Neighbors: Foreign Relations in Transition*. Lynne Rienner. Boulder
- Kiriçi, K. (2014). *Syrian Refugees and Turkey's Challenges: Beyond the Limits of Hospitality*. Brookings. Washington DC
- Koser, K. (2011). When is Migration a Security Issue?. *Foreign Affairs*. Brookings. Washington DC
- Republic of Turkey Prime Ministry Disaster and Emergency Management Presidency (AFAD)*. (2013). Syrian Refugees in Turkey, 2013: Field Survey Result. Ankara. [<https://data.unhcr.org/syrianrefugees/download.php?id=4085>]
- Seydi Çelik B.U. (2010). Perceptions of "National Security" in Turkey and Their Impacts on the Labor Movement and Trade Union Activities. *European Journal of Turkish Studies*. Paris
- Syria Research and Evaluation Organization (SREO)*. (2013). The Socioeconomic Impact of Syrian urban Refugees in Gaziantep: An Initial Assessment. SREO. Gaziantep
- Tolay, J. (2012). Discovering Immigration into Turkey: The Emergence of a Dynamic Field. *International Migration*. International Organization of Migration (IOM)
- Tolay, J. (2014). Praising Turkish Policy Towards Syrian Refugees, Keeping An Eye On the Politics. *The State of Transatlantic World 2014*. Transatlantic Academy. Washington DC

Trout, B.T. & Harf, J.F. (1982). *National Security Affairs: Theoretical Perspectives and Contemporary Issues*. Transaction Publishers. United States

UNHCR: country operations profile – Turkey, 2014,  
[<http://www.unhcr.org/pages/49e48e0fa7f.html>]

UNHCR Statistical Yearbook 2011. [<http://www.unhcr.org/516282cf5.html>]

UNHCR Statistical Yearbook 2012. [<http://www.unhcr.org/52a722559.html>]

UNHCR-The Global Report 2002. [<http://www.unhcr.org/4a0c24cf6.html>]

UNHCR-The Global Report 2004. [<http://www.unhcr.org/4a0c13d76.html>]

UNHCR-The Global Report 2012. [<http://www.unhcr.org/51b1d643b.html>]

Wæver, O. (1993). “*Societal Security: The Concept*” dalam Wæver, O. Buzan, B. Kelstrup, M. & Lemaitre, P. eds. *Identity, Migration and the New Security Agenda in Europe*. Pinter Publishers. London

Walkiewicz, K.N. (2013). *Irregular Migration during a conflict. Global Refugee Studies*. Aalborg University. Copenhagen

Weiner, M. (1985). On International Migration and international Relations. *Population and Development Review*. Vol. 11 (3). Population Council. New York

Weiner, M. (1992-1993). Security, Stability, and International Migration. *International Security*. Vol. 17(3). MIT Press. Baltimore

**Hamidi Adam** is a senior officer at the Immigration Department, Ministry of Home Affairs, Malaysia. He has a MA degree in Strategic Analysis from Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Ravichandran Moorthy**, Ph.D. is an associate professor of security studies at the Strategic Studies and International Relations Programme, University Kebangsaan Malaysia. He has authored numerous scholarly works in the area of security studies, focusing primarily on South Asian and ASEAN matters. His articles has appeared in reputed journals like the *Asian Survey*, *Water Policy* and *International Relations of the Asia Pacific (IRAP)*.  
[drravi@ukm.edu.my](mailto:drravi@ukm.edu.my)